

Research Article

e-Myhomeroom

Muhammad Syamaizar Bin Bilah^{1,*},¹ Muhammad Syamaizar Bin Bilah¹; syamaizar.bilah@mara.gov.my

Abstrak: Idea mengenai Homeroom ini telah diperkenalkan sejak tahun 1972 di MRSM Seremban dan kemudiannya dikembangkan ke MRSM lain. Sejak itu program Homeroom menjadi sebahagian program yang tidak boleh dipisahkan daripada program lain di MRSM. Program Homeroom sebagai teras kepada sistem pendidikan MRSM adalah untuk mendidik pelajar menjadi matang dan menjadi manusia lengkap untuk menghadapi cabaran masa depan. Proses pendidikan ini dibimbing oleh seorang guru penasihat. Di samping selalu proses pembelajaran akademik, pelajar juga akan didedahkan dengan budaya penerokaan sejajar dengan penerokaan di bidang Sains (Scientific Enquiry) melalui program pengayaan. Sekumpulan pelajar sebaya (12 – 15 orang) menjalani hidup bersama dalam suasana persaudaraan dengan seorang guru penasihat yang berfungsi sebagai pembimbing dan penjaga dalam ruang dari waktu yang tidak terbatas.

Kata Kunci: homeroom; MRSM; pendidikan



Copyright: © 2023 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Idea mengenai Homeroom ini telah diperkenalkan sejak tahun 1972 di MRSM Seremban dan kemudiannya dikembangkan ke MRSM lain. Sejak itu program Homeroom menjadi sebahagian program yang tidak boleh dipisahkan daripada program lain di MRSM. Program Homeroom sebagai teras kepada sistem pendidikan MRSM adalah untuk mendidik pelajar menjadi matang dan menjadi manusia lengkap untuk menghadapi cabaran masa depan. Proses pendidikan ini dibimbing oleh seorang guru penasihat. Di samping selalu proses pembelajaran akademik, pelajar juga akan didedahkan dengan budaya penerokaan sejajar dengan penerokaan di bidang Sains (Scientific Enquiry) melalui program pengayaan. Sekumpulan pelajar sebaya (12 – 15 orang) menjalani hidup bersama dalam suasana persaudaraan dengan seorang guru penasihat yang berfungsi sebagai pembimbing dan penjaga dalam ruang dari waktu yang tidak terbatas. Penyediaan laporan serta maklumat aktiviti yang dijalankan melibatkan kos yang besar di mana pihak pengurusan sekolah hendaklah menyediakan fail khas bagi setiap Homeroom, bahan-bahan bercetak dan lain-lain lagi. Masih belum ada satu sistem khas yang dibangunkan untuk memudahkan guru-guru Homeroom di MRSM untuk menyimpan segala maklumat serta laporan aktiviti Homeroom mereka.

2. METODOLOGI

Metodologi yang dijalankan di dalam merangka projek inovasi ini adalah berasaskan konsep ADDIE.1. Menentukan keperluan guru. Guru perlu menyimpan data pelajar Homeroom mereka. 2. Menentukan matlamat dan objektif. Guru dapat mengakses maklumat Homeroom dengan mudah. 3.

Membina prosedur penilaian. Guru membina prosedur penilaian keberkesanan Aplikasi e-MyHomeroom. 4. Mereka bentuk dan memilih strategi penilaian. Penilaian yang akan diberikan berdasarkan kepada kemampuan guru dalam mengakses maklumat Homeroom mereka. 5. Mencuba sistem aplikasi e-MyHomeroom. Aplikasi e-MyHomeroom dapat memudahkan tugas guru dengan berkesan. 6. Menilai keseluruhan sistem. Aplikasi mudah digunakan dan mesra kepada guru Homeroom.

3. DAPATAN

Selepas menjalankan temuramah kepada guru-guru Homeroom berkaitan dengan aplikasi ini, mereka mendapati bahawa aplikasi ini dapat memudahkan mereka untuk menyimpan dan mengakses data pelajar Homeroom pada bila-bila masa.

4. PERBINCANGAN

Guru mendapati kesukaran dalam menyimpan data homeroom dengan menggunakan cara tradisional. Maklumat berkaitan dengan Homeroom sukar untuk diperolehi sekiranya guru berada di luar sekolah. Ini kerana segala maklumat disimpan di dalam fail yang disimpan di dalam pejabat guru. Inovasi ini bertujuan menilai memudahkan para guru untuk menyimpan data pelajar dan dapat diakses pada bila-bila masa sahaja.

5. KESIMPULAN

Kos pembangunan aplikasi ringkas ini adalah percuma. Ia boleh dikomersialkan dengan membuat beberapa penambahbaikan dan semestinya ia melibatkan kos untuk membangunkan aplikasi yang lebih baik dan sempurna. Aplikasi ini perlu diperluaskan kepada semua guru di sekolah yang mempunyai system Homeroom terutamanya di MRSM dan SBP.

References

<https://www.scribd.com/document/409096191/kajian-penuh-persepsi-pelajar-tentang-pengurusan-homeroom-2-docx>